



## **PEMAKLUMAN BERITA PALSU**

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) **menafikan** laporan media tentang pembatalan warta di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. KPDNHEP **menjelaskan** bahawa tiada perubahan dari segi dasar penetapan harga jualan runcit petrol dan diesel. KPDNHEP **menegaskan** bahawa penetapan harga jualan runcit petrol dan diesel adalah melalui '*Automatic Pricing Mechanism*' (APM) yang dipengaruhi oleh harga minyak yang diproses (*refined product*) selari dengan harga minyak mentah dunia.
2. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) **menafikan** dakwaan pemilik akaun facebook Heidi Quah bertarikh 5 Jun 2020 bahawa seorang tahanan wanita yang baru melahirkan anak telah diberi layanan buruk di Depot Imigresen. JIM turut **menafikan** dakwaan bahawa tahanan diberi makanan yang tidak mencukupi dan air yang tidak bersih di samping berlakunya kes pukul dan juga kematian. JIM **menjelaskan** bahawa tahanan wanita dan anak kecil ditempatkan di blok berasingan serta disediakan bekalan susu bayi termasuk keperluan asas wanita. JIM **memberi jaminan** sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan dalam menguruskan warga asing di Depot mengikut *standard* yang ditetapkan dalam *Nelson Mandela Rule– Minimum standard Requirement on Detention*.

**Pasukan Respons Pantas  
KKMM  
11 Jun 2020 | 10.30 Pagi**

